



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

KERJA BAIK PULIH MENARA-MENARA KOMUNIKASI YANG TERJEJAS AKIBAT BANJIR DI SELANGOR GIAT DIJALANKAN

Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) sedang bekerjasama dengan syarikat-syarikat telekomunikasi dalam usaha membaik pulih menara-menara komunikasi yang terjejas susulan banjir besar melanda di beberapa buah negeri termasuk kawasan-kawasan kritikal di negeri Selangor pada hujung minggu lalu.

Secara keseluruhannya, setakat 22 Disember 2021, sebanyak 342 menara komunikasi terkesan di Selangor dan daripada jumlah tersebut, 153 menara telah berjaya beroperasi semula manakala 189 menara masih dalam baik pulih. Berikut merupakan senarai lokasi menara yang terjejas akibat bencana banjir di Selangor:

Kawasan	Status Kawasan		Jumlah
	Masih Dalam Proses Pembaikan	Telah Dibaiki	
Bangi	1	-	1
Banting	6	2	8
Dengkil	2	2	4
Hulu langat	15	1	16
Jenjarom	1	-	1
Kajang	1	-	1
Klang	21	23	44
Kuala Langat	2	-	2
Kuala Selangor	2	-	2
Pandan Indah	-	2	2
Puchong	15	9	24
Rawang	1	-	1
Sepang	23	34	57
Serdang	-	1	1
Shah Alam	93	79	172
Subang jaya	4	-	4
Sungai Buloh	1	-	1
Telok Panglima Garang	1	-	1
Jumlah Keseluruhan	189	153	342

Antara kekangan yang dihadapi oleh pihak MCMC dan syarikat telekomunikasi adalah tidak dapat mengakses ke lokasi menara dan bekalan elektrik diputuskan oleh pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi tujuan keselamatan penduduk setempat.

Kerja-kerja baik pulih sedang giat dijalankan dan menara telekomunikasi yang terjejas dijangka akan kembali beroperasi tidak lama lagi dan pemancar di kawasan yang terlibat akan diaktifkan semula, sebaik sahaja bekalan elektrik diberi oleh pihak TNB.

Pihak MCMC juga telah membuat perbincangan dengan persatuan radio amatur bertujuan mendapatkan bantuan perkhidmatan radio amatur sebagai saluran perhubungan alternatif bagi kawasan yang terkesan. Kini, beberapa sistem radio amatur telah mula beroperasi dan ditempatkan di beberapa kawasan yang terjejas teruk oleh bencana banjir.

Para penduduk diminta bersabar sementara tindakan mitigasi giat dijalankan bagi memastikan semua penduduk dapat kembali menikmati perkhidmatan telekomunikasi seperti sedia kala.

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA TPr ANNUAR HAJI MUSA
MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA

23 Disember 2021